



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

DEMIMU PALESTIN

Tarikh Dibaca:

**27 RABIULAWAL 1445H /
13 OKTOBER 2023**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إدارة كماله اسلام ماليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

DEMIMU PALESTIN

13 OKTOBER 2023 / 27 RABIULAWAL 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ ۝١٦٩ (سورة آل عمران)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti menggunakan telefon dan berbual-bual. Tumpukan perhatian pada khutbah yang akan disampaikan, mudah-mudahan kita semua mendapat hidayah dan taufiq dari Allah SWT.

Khutbah pada hari ini akan membicarakan: “Demimu Palestin”.

Sebelum itu, khatib ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu, serta saling berpesan antara satu sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkaran.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bumi Palestin kembali bermandi darah. Bedilan bom kembali memecah keheningan alam. Hujan peluru kembali menghantui seluruh warganya. Kebangkitan rakyat Palestin ketika ini sudah pastinya kerana ledakan perasaan yang ditekan sejak sekian lamanya dan demi kecintaan mereka kepada tanah air mereka. Isu Palestin bukanlah isu baharu bahkan sejak berpuluh tahun, mereka hidup dalam ketakutan, penindasan, dan kekejaman rejim zionis Israel di tanah air mereka sendiri. Anak-anak kecil, kaum wanita, orang awam dibunuh sewenang-wenangnya. Mereka tidak mendapat kebebasan, pendidikan, kesihatan, dan keperluan hidup dengan sempurna. Kemudahan elektrik, air, bekalan makanan disekat masuk ke Palestin oleh Israel yang disokong oleh kuasa-kuasa besar dunia.

Mereka sangat mendambakan kemerdekaan dari cengkaman rejim zionis yang angkuh dan zalim. Tidak cukup umat Islam dibelasah dengan Deklarasi Balfour (1917) Perjanjian Sykes-Picot (1916) dan Lausanne (1923). Ada pula negara-negara yang membenarkan pangkalan tentera dan ekonomi asing itu bertapak dengan sekuat-kuatnya, sehingga kemasukan warga Barat dimudahkan, manakala urusan saudara seagama dipayahkan, khususnya terhadap rakyat lemah dan miskin yang dipaksa menjadi pelarian kerana kekacauan yang dicituskan, sehingga mereka hanyut di laut atau menjadi peminta sedekah di negara-negara Eropah atau menjadi mangsa yang dimurtadkan di negara Barat atau menunggu kematian.

Israel telah menjadi bangsa dan negara penganas sejak dari dahulu lagi. Peristiwa Nakbah atau malapetaka sadis pada 15 Mei 1948 membawa kepada penubuhan Negara Israel di atas 77 peratus tanah Palestin yang dirampas. Ia juga dikaitkan dengan pengusiran 800 ribu rakyat Palestin yang menjadikan mereka sebagai pelarian dan tidak dihiraukan pula oleh negara-negara Arab di sekeliling mereka.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Isu di Palestin bukanlah isu negara dan agama semata-mata. Bahkan jika dilihat dari kaca mata insani, ia merupakan isu kemanusiaan sejagat yang boleh dinilai daripada naluri kemanusiaan. Maka, setiap jiwa yang memiliki sifat perikemanusiaan pastinya tidak tahan melihat saban hari ada sahaja serangan, pencerobohan, pembunuhan, dan penculikan yang dilakukan oleh Israel terhadap rakyat Palestin. Serangan roket yang dilakukan ke

wilayah yang dijajah Israel oleh pejuang Palestin merupakan manifestasi dari kezaliman, penindasan dan pembunuhan yang berterusan rejim zionis terhadap rakyat Palestin. Kecanggihan teknologi ketenteraan yang dimiliki Israel pula bukan penentu kekuatan mereka kerana mereka tidak dapat mengesan pergerakan dan serangan yang dilakukan.

Mungkin ada sebahagian yang berpendapat bahawa tidak wajar bagi Hamas untuk melakukan serangan tersebut. Namun ketahuilah bahawa serangan yang dilakukan itu hanyalah secebis dari pengalaman kesengsaraan hidup yang dilalui hampir setiap hari bahkan bertahun-tahun lamanya oleh seluruh penduduk Palestin dan Gaza khususnya.

Al-Quran telah merakamkan bahawa kaum Yahudi merupakan kaum yang paling dahsyat ganasnya dan melampau dalam memerangi para Rasul-Nya. Allah SWT menyatakan dalam Surah al-Baqarah ayat 61:

...وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الدِّلَّةُ وَالْمَسْكَنَةُ وَبَاءُوا بِغَضَبٍ مِّنَ اللَّهِ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ

بِأَيِّتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ النَّبِيِّنَ بِغَيْرِ الْحَقِّ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ٦١

Maksudnya: “Dan mereka ditimpakan dengan kehinaan dan kepapaan, dan sudah sepatutnya mereka mendapat kemurkaan dari Allah. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka kufur (mengingkari) ayat-ayat Allah (perintah-perintah dan mukjizat-mukjizat yang membuktikan kebesaran-Nya); dan mereka pula membunuh Nabi-nabi dengan tidak ada alasan yang benar. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka menderhaka dan mereka pula sentiasa menceroboh”.

Mereka mendakwa bahawa penduduk Palestin telah menganiaya mereka dengan serangan tersebut. Namun hakikatnya, tindakan mereka lebih teruk lagi. Mereka mengebom tempat-tempat awam seperti rumah kediaman, sekolah, hospital, masjid dan sebagainya. Dunia membisu ketika ratusan bahkan ribuan rakyat Palestin terbunuh oleh kekejaman rejim zionis Israel.

Kini, penduduk Israel lari bertempiaran menyelamatkan diri bahkan menyingkap sikap pengecut mereka yang sebenarnya. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hasyr ayat 14:

لَا يَقْتُلُونَكُمْ جَمِيعًا إِلَّا فِي قَرْيٍ مُحَصَّنَةٍ أَوْ مِنْ وَرَاءِ جُدُرٍ ۚ بِأَسْهُمٍ بَيْنَهُمْ شَدِيدٌ تَحْسَبُهُمْ
 جَمِيعًا وَقُلُوبُهُمْ شَتَّىٰ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْقِلُونَ ۝

Maksudnya: “(Orang-orang Yahudi dan orang-orang munafik) dengan keadaan bersatu padu sekalipun, tidak berani memerangi kamu melainkan di kampung-kampung yang berbenteng kukuh, atau dari sebalik tembok. (Sebabnya): permusuhan di antara mereka sesama sendiri amatlah keras; engkau menyangka mereka bersatu padu, sedang hati mereka berpecah belah (disebabkan berlainan kepercayaan mereka). Yang demikian itu, kerana mereka adalah kaum yang tidak memahami (perkara yang sebenarnya yang memberi kebaikan kepada mereka)”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mereka berjuang demi Palestin tercinta dan semangat untuk mati syahid pada jalan Allah. Perjuangan penduduk palestina mempertahankan negara mereka merupakan suatu pembuktian sabda Rasulullah SAW. Dalam sebuah hadis, disebut yang diriwayatkan daripada Abu Umamah bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَزَالُ طَائِفَةٌ مِنْ أُمَّتِي ظَاهِرِينَ عَلَى الْحَقِّ، لَعَدُوِّهِمْ قَاهِرِينَ، لَا يَضُرُّهُمْ مَنْ خَالَفَهُمْ
 إِلَّا مَا أَصَابَهُمْ مِنْ لَأُوءَاءٍ، حَتَّىٰ يَأْتِيَهُمْ أَمْرُ اللَّهِ وَهُمْ كَذَٰلِكَ. قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَإِنَّ
 هُمْ؟ قَالَ: بَيْتِ الْمَقْدِسِ وَأَنْكَافِ بَيْتِ الْمَقْدِسِ

Maksudnya: “Akan sentiasa wujud daripada umatku, sekumpulan yang terus menegakkan kebenaran dan tegas mendepani musuh. Tidak memudaratkan perjuangan mereka walaupun dipinggirkan dan dirintangi kesusahan, melainkan semua itu hanyalah ujian, sehinggalah datang ketentuan Allah. Mereka akan tetap sedemikian”. Sahabat bertanya, “Di mana mereka itu?” Baginda menjawab, “Mereka berada di Baitul Maqdis dan di kawasan sekitarnya”. (Hadis riwayat Imam Ahmad)

Kita semua bertanggungjawab membela dan mempertahankan bumi Palestin. Bagaimana pula caranya sedangkan kita semua berada di sini? Sudah tentu setidak-tidaknya kita

menyatakan sokongan terhadap rakyat Palestin dan memanjatkan doa yang bersungguh-sungguh kepada Allah SWT agar mereka sentiasa diberi perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Selain itu juga, kita boleh menyalurkan sumbangan kewangan kepada tabung-tabung Palestin yang diakui kesahannya. Penduduk Palestin berhak menikmati kebebasan dan kemerdekaan di tanah air mereka sendiri. Hidup dalam penjara terbuka bukanlah sesuatu yang indah dan mengasyikkan. Maka, wahai saudara-saudaraku sekalian, demi Bumi Palestin, marilah kita sama-sama bermunajat kepada Allah SWT agar menyelamatkan seluruh penduduk Palestin dan membebaskan mereka segera dari cengkaman rejim zionis Israel. Hanya kepada Allah jualah sebaik-baik tempat memohon pertolongan.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin membuat beberapa rumusan:

Pertama: Sejak berpuluh tahun penduduk Palestin hidup dalam penindasan dan kekejaman rejim zionis Israel.

Kedua: Al-Quran merakamkan sikap-sikap buruk kaum Yahudi antaranya sikap pengecut, dan sikap ganas mereka terhadap bangsa lain termasuk tindakan mereka membunuh utusan Allah.

Ketiga: Kita bertanggungjawab menyatakan pendirian dan sokongan terhadap penduduk Palestin yang bermati-matian mempertahankan dan membebaskan negara mereka dari cengkaman rejim zionis Israel kerana mereka berhak mendapatkan kebebasan di tanah air mereka yang telah dirampas.

Renungkan firman Allah SWT:

﴿ذَلِكَ وَمَنْ عَاقَبَ بِمِثْلِ مَا عُوقِبَ بِهِ ثُمَّ بُغِيَ عَلَيْهِ لَيَنْصُرَنَّهُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ لَعَفُوءٌ غَفُورٌ﴾

﴿ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ يُوَلِّجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَيُوَلِّجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَأَنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ﴾^{٦١}

Maksudnya: “Demikianlah (janji balasan Allah yang melimpah-limpah itu). Dan sesiapa yang membalas kejahatan orang, sama seperti yang dilakukan kepadanya, kemudian dia dianiaya lagi, demi sesungguhnya Allah akan menolongnya. (Dalam pada itu ingatlah) sesungguhnya Allah Maha Pemaaf, lagi Maha Pengampun. (Pertolongan yang dijanjikan Allah tetap berlaku) kerana Allah berkuasa menukargantikan sesuatu keadaan

sebagaimana kuasa-Nya memasukkan malam pada siang dan memasukkan siang pada malam (silih berganti); dan (ingatlah) sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Melihat". (Surah al-Hajj ayat 60-61)

بَارِكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُوكُو عَزِيْزُهُ أَمِيْنُهُ مِيْمُونُهُ إِسْكَندَرِيْهُ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَندَرِ

الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُنْكَرَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, wabak penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
 يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١٠
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
 وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.